

# Menggembeleng potensi warga emas

PERTUBUHAN Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mula menyambut Hari Warga Tua Sedunia pada tahun 1990 sebaliknya Malaysia memilih tarikh yang sama iaitu pada 1 Oktober setiap tahun sebagai Hari Warga Emas Kebangsaan sejak 1992.

Tema Hari Warga Tua Sedunia tahun 2013 adalah ‘Masa Depan Yang Dikehendaki : Suara Warga Emas’ manakala tema Hari Warga Emas Kebangsaan ialah ‘Ilmu Dijunjung, Warga Emas Disanjung.’

Di negara-negara membangun yang berdepan dengan usia penuaan penduduk yang pesat, warga emas sudah tidak lagi menjadi bebanan atau memerlukan bantuan kebajikan. Sebaliknya, warga emas dianggap sebagai sumber tenaga manusia yang bernilai tetapi *under-utilized*. Kesatuan Eropah contohnya, menekankan aspek pendayaupayaan atau *empowerment* kepada warga emas agar mereka diaktifkan dalam komuniti dan masyarakat.

Pengarah Institut Gerontologi, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof. Dr. Tengku Aizan Hamid berkata, bilangan warga emas di Malaysia kian meningkat. Pada tahun 2012 dianggarkan 8.3 peratus daripada jumlah penduduk adalah golongan berusia 60 tahun dan ke atas dan bilangan ini mencecah 2.44 juta orang.

Tengku Aizan mengemukakan soalan, siapakah warga emas di Malaysia? Institut Gerontologi pernah menjalankan satu tinjauan yang menarik dalam kalangan remaja sekolah di mana mereka diminta melukiskan gambar orang tua. Imej-imej penuaan yang diperoleh adalah penuh dengan paradoks dan stereotip - sihat, sakit, aktif, bertongkat, terlantar, berada di rumah, di kampung, di institusi, gembira, sedih, bersama-sama keluarga dan dalam kesyunian.

Menurutnya, itulah spektrum yang diperoleh iaitu warga emas di Malaysia adalah bersifat *heterogenous* - sangat berlainan antara individu berikutnya pengalaman hidup dan generasi yang berbeza-beza.



Warga emas mempunyai potensi yang tidak digunakan, baik daripada segi pengalaman, pengetahuan, kemahiran-tenaga fizikal dan mental serta masa yang terluang. Sempena sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan, saya menjemput tuan-tuan dan puan-puan untuk bersama-sama renungkan keupayaan masing-masing untuk bermuafakat dan menyumbang kepada kesejahteraan diri dan keluarga, komuniti dan masyarakat

**PROF. DR. TENGKU AIZAN HAMID**

Pengarah Institut Gerontologi, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Gerontologi mengadakan program U3A Malaysia buat julung-julung kalinya pada tahun 2008, kami tidak boleh menyangka sejauh manakah impak dan implikasi aktiviti seumpama ini.

“Hari ini, Persatuan U3A Kuala Lumpur dan Selangor mempunyai lebih 200 ahli berdaftar yang aktif setiap tahun dan ini adalah satu platform baharu untuk suara warga emas di Malaysia,” ujarnya ketika menyampaikan ucaptama pada Karnival U3A 2013 sempena menyambut Hari Warga Emas Kebangsaan, di Universiti Putra Malaysia, Serdang baru-baru ini. Turut hadir Presiden U3A Kuala Lumpur dan Selangor Datuk Abdul Ghani Abdullah.

Tengku Aizan menarik perhatian, jika diteliti, ramai warga emas berasa was-was dan curiga tentang peranan dan tanggungjawab sosial mereka. Warga emas sering diumpamakan sebagai Gula

Diperah, Tebu Dibuang. Hakikatnya, ramai golongan pesara yang masih menyumbang kepada kesejahteraan keluarga, komuniti dan masyarakat.

Menurutnya, bukan semua warga emas miskin, sakit atau terlantar dan ini tidak bermakna sokongan adalah tidak diperlukan untuk orang-orang tua lain. Pendayaupayaan warga emas bermula dengan kemudahan dan perkhidmatan yang kemas dan rapi untuk memenuhi keperluan asas seperti kesihatan, kewangan, perumahan dan pendidikan. Seterusnya, warga emas perlu diberi peranan dan pengiktirafan sebagai ahli komuniti agar sikap dan nilai sosial yang positif dapat dipupuk.

Tengku Aizan memberitahu, ketika memulakan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat, pihak Institut Gerontologi menaruh harapan bahawa program ini akan menjadi pemangkin

kepada perubahan sosial. Apabila warga emas dihimpunkan, didayaupaya dengan ilmu pengetahuan berkongsi sumber dan rangkaian pengalaman - satu pembaharuan dan pembaikan boleh dilakukan.

“Warga emas mempunyai potensi yang tidak digunakan, baik daripada segi pengalaman, pengetahuan, kemahiran-tenaga fizikal dan mental serta masa yang terluang. Sempena sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan, saya menjemput tuan-tuan dan puan-puan untuk bersama-sama renungkan keupayaan masing-masing untuk bermuafakat dan menyumbang kepada kesejahteraan diri dan keluarga, komuniti dan masyarakat.

“Di manakah kita sekarang dan ke mana kita ingin pergi? Apakah kita hanya duduk dan mengharapkan perubahan yang positif itu akan datang bergolek?”, tanya beliau.

Beliau berkata, ahli-ahli U3A bukan sahaja datang ke UPM untuk ‘bersekolah’, malah mereka juga menjadi tenaga pengajar kursus, penyelaras program, sukarelawan kerja sosial, peserta projek atau kajian penyelidikan dan mentor kepada generasi muda melalui inisiatif-inisiatif yang berkaitan.

Katanya, sebuah projek di bawah Kesatuan Eropah menekankan konsep warga emas untuk warga emas dan ini menyamai prinsip Universiti Era Ketiga yang berlandaskan warga emas, untuk warga emas, demi warga emas (*of older persons, for older persons, by older persons*).

Beliau juga memberitahu, ini adalah tahun keenam program U3A dijalankan di UPM dan pihak Institut Gerontologi, UPM menjanjikan kerjasama dan sokongan yang berterusan terhadap program ini. Program U3A akan diteruskan untuk memperluas dan memperkembang Model Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk dimanfaatkan oleh warga emas di seluruh negara.

Katanya, perangkaan jangka hayat menunjukkan warga emas berumur 60 tahun dan ke atas di Malaysia secara puratanya akan melalui usia ketiga atau *the third age of life* yang panjangnya kira-kira 20 tahun atau dua (2) dekad. Kehidupan yang bermakna perlu ada tujuan dan matlamat dan konsep ini perlu dihayati sepenuhnya kerana usia manusia adalah terhad.

'Banyak bezanya antara *adding years to your life* dan *adding life to your years*.' Umur yang panjang tidak bermakna jika dibiarkan begitu saja.

"Warga emas perlu digerakkan dan bersatu kerana potensi individu atau perseorangan adalah terhad. Saya kira Persatuan Pembelajaran Sepanjang Hayat Warga Emas U3A Kuala Lumpur dan Selangor adalah contoh yang terbaik. Sewaktu Institut



**PENUNJUK** ajar Ted Adnan memberi penerangan mengenai pameran fotografi kepada para pengunjung Karnival U3A di UPM baru-baru ini.



**GERAI** kraf tangan warga emas dari Rumah Seri Kenangan, Cheras.